

Jasa, pengorbanan bomba dihargai

BH ONLINE | Isnin, 16 Disember 2019 | 4:47pm



MIRI: Seramai 14,400 pegawai dan anggota bomba di seluruh negara bakal menikmati elaun khas yang akan dibayar bermula bulan depan.

Ahli Dewan Negara, Senator Alan Ling, berkata elaun khas RM200 sebulan itu sebagai menghargai jasa dan pengorbanan anggota jabatan berkenaan.

Katanya, elaun khas itu turut membuktikan keprihatinan Kerajaan Persekutuan terhadap keperluan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), setimpal dengan peranan besar dimainkan mereka.

"Anggota bomba dan penyelamat bukan hanya bertugas memadam kebakaran tetapi juga memberi perkhidmatan lain yang diperlukan rakyat.

"Jasa dan pengorbanan mereka tidak ternilai dalam memberi perkhidmatan kepada masyarakat," katanya dalam satu kenyataan, di sini hari ini.

Alam berkata, pemberian elaun itu bertujuan menyuntik semangat pegawai dan anggota bomba untuk terus memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat dalam pelbagai mis kecemasan, khidmat kemanusiaan dan pengurusan bencana.

Katanya, bantuan itu juga diharap mampu meringankan bebas kos sara hidup yang semakin tinggi ketika ini.

Beliau berkata, permohonan untuk mendapatkan elaun khas itu dibuat sejak 2015 dan ia mendapat maklumbalas positif daripada Kerajaan Pusat dan bakal dilaksanakan tahun depan.

Di Miri, Alan berkata, tugas pasukan itu begitu dihargai, terutama ketika berdepan bencana alam seperti kemarau dan banjir.

"Sebagai contoh, mereka bertugas dari pagi hingga ke lewat malam untuk memadam kebakaran hutan paya gambut di Miri untuk memastikan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) dikawal," katanya.